

Usaha memperkasa institusi pengajian tinggi mencabar

Oleh Rosniza Mohd Taha

TAHUN 2007 mencatat beberapa perkembangan penting dalam bidang pengajian tinggi negara, sejajar dengan matlamat kerajaan untuk memperkasakan pendidikan tinggi agar menjadi produk, yang bukan saja mampu meyakinkan rakyat tempatan malahan juga pelajar dari luar negara.

Bagi mencapai matlamat itu, antara agenda utama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tahun ini ialah memberi fokus terhadap usaha pengantarabangsaan dengan harapan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bukan saja mampu bersaing dalam kalangan IPTA dan swasta (IPTS) tempatan, tetapi juga turut disegani dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah satu daripada aspek penting yang dapat memberi nilai tambah kepada IPTA sekali gus mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Menyedari kepentingan kegiatan R&D serta produk yang dihasilkan menerusi pelbagai penyelidikan, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, mengambil langkah bijak dengan memperkenalkan satu lagi jawatan Timbalan Naib Canselor (TNC) baru di empat universiti bagi memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak industri khusus dalam

bidang penyelidikan.

Empat IPTA itu ialah Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Mara.

Satu daripada agenda besar negara yang sedang dilaksanakan KPT mulai tahun ini terkandung dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ogos lalu yang menyediakan landasan kondusif bagi mentransformasi sektor pengajian tinggi negara ke arah itu.

Strategi yang terangkum dalam PSPTN mengandungi tujuh teras:

- Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti;
- Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran;
- Memperteguhkan penyelidikan dan inovasi;
- Memperkasakan institusi pengajian tinggi (IPT);
- Mempergiatkan pengantarabangsaan;
- Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat; dan
- Mengukuhkan sistem penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Turut dilancarkan ialah Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Negara yang menggariskan langkah spesifik yang akan diambil untuk memulakan transformasi pendidikan tinggi mulai sekarang hingga

ke penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 2010.

Peruntukan RM12 bilion yang diberikan kepada sektor pengajian tinggi dalam Bajet 2008 dapat memastikan segala inisiatif dan program yang direncana di bawah kedua-dua pelan ini dapat dilaksanakan khususnya menerusi pengalaman pengalaman dari segi dana penye-

lidikan dan kemudahan pengajian kepada pelajar.

Dua rancangan jangka panjang pendidikan negara ini diperkenalkan tepat pada masanya terutama apabila keputusan penarafan Times Higher Education Supplement (THES) tahun ini gagal memihak kepada Malaysia.

Pengumuman pengwujudan universiti apex di kalangan universiti

tempatan, iaitu gagasan universiti terunggul yang turut diumumkan KPT pada tahun ini pasti menjadi kemuncak aspirasi pengajian tinggi negara supaya satu hari nanti ada universiti di negara ini tergolong dalam 50 kelompok universiti terbaik dunia.

Usaha mengeratkan hubungan dua hala antara Kerajaan Malaysia dan negara lain menerusi kerjasama pendidikan turut terserlah tahun ini yang mana aktiviti mempromosikan institusi pengajian tinggi Malaysia di luar negara dalam giat dilaksanakan secara berterusan melalui Pusat Promosi Pendidikan Malaysia (Malaysia Education Promotion Centre-MEPC).

Matlamat Kerajaan Malaysia adalah untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di IPTA dan PTS serta sekolah antarabangsa seramai 100,000 pada 2010.

Mustapa sendiri menunjukkan komitmen tinggi dalam hal ini apabila beliau 'turun padang' ke pelbagai negara terutama Asia Barat, Asia Timur dan Asia Tenggara bagi mempromosikan peluang pendidikan berkualiti di Malaysia.

Usaha ini selaras teras kelima PSPTN iaitu memperkasakan pengantarabangsaan universiti tempatan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi pada peringkat antarabangsa.



MEMBANGGAKAN: Penyelidik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dari kiri, Abu Hassan Abdullah, Mohamad Shaiful Ashrul Ishak, S Ragunathan dan Prof Madya Dr Uda Hashim bergambar bersama pingat yang dimenangi dalam pertandingan di Amerika Syarikat, Belgium dan Jerman, baru-baru ini.